

TribunPUTRA®

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman appointed UPM ninth Vice-Chancellor

By Khairul Anuar Muhammad Noh

SERDANG, Sept 1 - Professor Dr. Mohd Roslan Sulaiman, 51, has been appointed as the ninth Vice-Chancellor of Universiti Putra Malaysia (UPM), effective from September 1, 2020 to August 31, 2023.

Minister of Higher Education, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, in her media statement expressed confidence that Prof. Roslan would be able to continue his achievements and contributions in maintaining

UPM's excellence and subsequently restoring high-tech agriculture as the main thrust area of UPM.

"He has extensive experience in managing student affairs as well as ensuring the programmes implementation of various in accordance with the main objectives and empower the culture of volunteerism, leadership and soft skills among students.

"He has also published more than 200 research results in high-impact journals," she said.

Prof. Roslan has been

performing the duties of UPM's Vice-Chancellor since July 1, 2020.

Prof. Roslan graduated with a Doctor of Veterinary degree from Universiti Pertanian Malaysia (UPM) in 1994 and a Doctorate in Nervous System Physiology from the University of Edinburgh, Scotland, United Kingdom in 1999.

He served as the Deputy Vice-Chancellor UPM (Student Affairs and Alumni) for almost three years and held other administrative and academic positions.

Among his positions were Chairman of the Board of Principals of UPM Residential Colleges and Deputy Dean (Student Affairs and Alumni) of the Faculty of Medicine and Health Sciences. - UPM

Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman



COVID-19 : Some 4,200 new UPM Students to register online

Serdang, Oct 2 -Universiti Putra Malaysia (UPM) has postponed all face-to-face registration and teaching and learning activities for new and existing students for the 2020/2021 academic session.

The postponement came after a statement released by the Ministry of Higher Education (MOHE), dated October 2,

2020 following the increase in COVID-19 cases nationwide.

Some 4,200 new students of Bachelor programmes will register online at UPM for the 2020/2021 academic session and the new students are required to complete a pre-registration on the e-daftar system via <http://edaftarsmp.upm.edu.my/>.

Any inquiries regarding student admission can be forwarded to the Division of Admission and Division of Academic Governance at 03-97693251/6059/7820/6056, while Master dan Ph.D. students may contact the School of Graduate Studies (SGS) at <https://sgs.upm.edu.my/contact-3764>. - UPM

UPM records highest leap in the country in Times Higher Education Asia University Rankings

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) made the highest leap among the country's universities in THE Asia University Rankings 2020 by 43 spots.

This achievement places UPM at the 145th rank compared to 188th last year.

The assessment of THE Asia University Rankings takes into consideration 60% of research quality and high impact research indicators compared to other ranking assessments that are

more focused on the overall reputation of the university. The ranking recognises UPM as an internationally renowned Research University.

There are five main indicators in THE Asia University Rankings assessment, namely Teaching (25%), Research (30%), Citations (30%), International Outlook (7.5%) and Industry Income (7.5%). UPM earned the highest spot in the country for the Research indicator, which includes the volume

of publication, revenue from research and research reputation.

This success is the result of collaboration and strategic partnership of the entire UPM community with strong support from the staff of various levels working together towards organisational values for excellence, diversity, sustainability, and integrity at UPM.

This achievement not only helps increase UPM's level of excellence but also gives

meaningful contributions to the community's well-being and the nation's progress.


This success truly enhances UPM's spirit to strive further, working towards improving weaknesses and fortifying strengths by adopting approaches that are strategic to boost overall performance in the future. We will continue our structured efforts to benchmark our practices and performances with the world's best universities. - UPM



Tiga program alam sekitar UPM dapat akreditasi UK >2



"Ilmu untuk masyarakat dan negara" >3



Kebiasaan baru pengurusan kewangan pasca COVID-19 >4





NOTA KETUA EDITOR

Tribun Putra kini menemui pembaca dengan keluaran 101. Sejak 1998 dan melalui tema “Wadah, Gagasan dan Keprihatinan”, akhbar ini menjadi suara rasmi UPM dalam menyampaikan maklumat, perkembangan semasa, pencapaian dan kejayaan, laporan penyelidikan, aktiviti mahasiswa, serta mempromosi UPM sebagai destinasi pendidikan tinggi

terulung di negara ini. Seiring dengan perkembangan semasa, persembahan Tribun Putra kali ini tampil dengan sedikit perubahan kandungan. Selain berita dan peristiwa, Tribun Putra turut menyediakan penulisan kepakaran yang boleh dikongsi manfaatnya kepada semua pembaca. Sudah tentu fokus penulisan kepakaran kali

ini berkisar tentang impak COVID-19 kepada segenap aspek kehidupan masyarakat seperti keselamatan makanan, ekonomi rakyat dan komunikasi dalam krisis. Ia digarap dengan tuntas sekali oleh akademia UPM.

Tribun Putra kali ini juga istimewa kerana UPM menerima pelantikan Naib Canselor baharu, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman. Sidang redaksi

mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mendoakan agar beliau diberikan kekuatan untuk terus menakhoda UPM ke tahap yang lebih tinggi.

Kami juga mengalu-alukan pelantikan Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) baharu, Prof Dr Daud Ahmad Israf Ali.

Sidang Redaksi turut ingin merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan kepada mantan Naib Canselor, Prof Datin Paduka Setia Dato’ Dr. Aini Ideris dan mantan Pengarah CoSComm, Prof Dr. Azmawani Abd Rahman atas dedikasi dalam pengurusan universiti selama ini.

Sekian, terima kasih.

Mohd Izani Mohd Zain

Lawatan Duta Besar Belgium ke Malaysia di UPM

Oleh Noor Eszereen Juferi
Foto oleh Marina Ismail

SERDANG, 30 Sept - Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman menerima kunjungan hormat Duta Besar Belgium ke Malaysia, H.E. Mr. Pascal H. Grégoire di Pejabat Naib Canselor UPM.

Lawatan itu untuk menzahirkan sokongan beliau berkenaan penulisan Pensyarah

Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan (JPKK), Prof. Madya Dr. Ratna Roshida Ab. Razak bertajuk ‘Modern World Challenges Importance of Spirituality’ yang telah diterbitkan dalam akhbar New Straits Times pada 18 September 2020. Beliau yakin idea itu boleh diperkasakan melalui platform dialog antara agama.

Turut hadir Pengarah

Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm), Prof. Dr. Daud Ahmad Israf Ali dan Ketua Jabatan JPKK, FEM, UPM, Prof. Madya Dr. Adlina Ab. Halim.

Duta Besar turut berkunjung ke Fakulti Ekologi Manusia (FEM) dan mengadakan perbincangan bersama Dekan, Prof. Dr. Ahmad Hariza Hashim dan warga fakulti. - UPM



Tiga program alam sekitar UPM dapat akreditasi UK

Oleh Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin

SERDANG, 15 Julai - Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mendapat akreditasi profesional daripada Committee Heads of Environmental Sciences, Jawatankuasa Pendidikan Institution of Environmental Sciences (CHES-IES), United Kingdom untuk tiga program pengajiannya di Jabatan Alam Sekitar, Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar (FPAS) baru-baru ini.

Dekan FPAS, Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin berkata tiga program itu ialah Kepujian Bachelo Pengurusan Alam Sekitar, Bachelo Sains dan Teknologi Alam serta program eksekutif Master Alam Sekitar.

“Dengan pengiktirafan ini, UPM menjadi Universiti pertama di Asia Tenggara dan keempat di luar United Kingdom mendapat akreditasi antarabangsa ini.

“Ketiga-tiga program tersebut adalah program rintis dalam bidang pengajian alam sekitar di Malaysia, dengan program bachelo pertama kali ditawarkan pada tahun 1976, turutan daripada tuntutan untuk melonjakkan pendidikan dan penyelidikan alam sekitar selepas Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu dalam Persekitaran Manusia di Stockholm, Sweden pada tahun 1972,” kata Prof Mad Nasir.

Akreditasi ini adalah sinonim dengan pencapaian piawaian dan kecemerlangan tertinggi dalam program

akademik sains alam sekitar. Hanya 45 buah universiti di seluruh dunia yang telah menerima pengiktirafan ini untuk program pengajian ijazah mereka seperti yang tersenarai di <https://www.the-ies.org/accreditation>.

Pelajar dalam program berakreditasi CHES mempunyai capaian kepada laluan kemajuan profesional yang berkualiti tinggi untuk kerjaya mereka. Mereka boleh mendapatkan Keahlian Pelajar IES secara percuma kelayakan untuk laluan pantas keahlian apabila mereka menamatkan pengajian mereka, dan boleh berusaha untuk menjadi ahli professional dan saintis Diktiraf Alam Sekitar (Chartered Environmentalist and Chartered Scientist).

Pencapaian akreditasi IES ini adalah bukti komitmen dan dedikasi ahli Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar dalam menawarkan program akademik berkualiti tinggi dan mempersiapkan graduan dengan pengetahuan dan kemahiran penting yang diperlukan untuk masa depan, sejajar dengan misi universiti untuk menjadi universiti bereputasi antarabangsa.

Program yang mendapat pengiktirafan akreditasi CHES-IES ini merupakan tiga program Bachelor dan program Master dengan kerja kursus di Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar. Program lain adalah Bachelo Sains Hutan, Bachelo Sains dan Teknologi Kayu, Bachelo Sains Taman dan Rekreasi. - UPM



UPM sasar RM14 juta jualan pendaftaran khas kenderaan

Oleh Noor Eszereen Juferi
Foto oleh Marina Ismail

SERDANG, 7 Okt - UPM mengambil inisiatif untuk mempelbagaikan aktiviti penjana pendapatan melalui jualan nombor pendaftaran kenderaan dengan prefix “UPM”. Inisiatif itu dibuat dengan sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ).

Sebanyak 9,999 nombor bermula dengan UPM 1 – UPM 9999 akan mula dijual mulai 7 Oktober 2020 secara bidaan dalam talian. Proses tersebut memberi peluang kepada pembeli potensi untuk bersaing secara telus dan nombor pendaftaran kenderaan “UPM” dibahagikan beberapa kategori bermula dengan Bronze sehingga Super Platinum.

Sasaran pembeli terdiri daripada alumni UPM, staf, individu dan organisasi luar.

Selain itu, inisiatif

penjualan nombor pendaftaran ini merupakan satu lagi kaedah universiti menjana pendapatan. Dengan sasaran pendapatan sebanyak RM14 juta ringgit, inisiatif ini dijangka mampu untuk menyumbang bagi menampung kos operasi universiti yang merupakan tunjang bagi aktiviti pembelajaran dan penyelidikan sesebuah institusi.

Turut hadir, Pengerusi, Lembaga Pengarah Universiti (UPM), Y.A.M Dato’ Seri DiRaja Syed Razlan Jamalullail, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Ts. Dr. M. Iqbal Saripan, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dato’ Dr. Zulkifli Idrus, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Arifin Abdu, Bursar, Dato’ Zulkiflee Othman, Ketua Pustakawan, Muzaffar Shah Kassim dan Pemangku Pendaftar, Muhazam Mansor. - UPM



"Ilmu untuk masyarakat dan negara"

Mulai 1 Sept 2020, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman dilantik sebagai Naib Canselor UPM yang kesembilan.

Wakil Tribun Putra, Prof. Madya Dr. Izani Mohd Zain dan Noor Mohamad Shakil Hameed berkesempatan menemui Naib Canselor UPM mengenai aspirasi beliau seperti berikut:

1. Apa perasaan Prof. apabila diumumkan sebagai Naib Canselor UPM?

Saya berasa sangat terharu dan terhormat apabila YB Menteri KPT, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad memilih dan melantik saya yang juga merupakan seorang alumni UPM untuk menerajui alma mater saya sendiri. Saya melihat ia satu amanah besar yang perlu saya pikul dengan sebaik-baiknya. Sudah semestinya ini peluang terbaik untuk saya menyumbang kembali kepada kemajuan dan pembangunan UPM berpaksaan dengan motto "Berilmu Berbakti". Ini peluang terbaik untuk saya berbakti kepada alma mater saya.

2. Apakah visi Prof untuk memimpin UPM?

UPM sudah berada pada kedudukan yang cukup membanggakan baik di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Saya mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua mantan Naib Canselor yang telah berusaha keras untuk meletakkan UPM pada kedudukan sekarang. Maka sudah semestinya visi saya sebagai penyambung legasi kepimpinan UPM adalah untuk meneruskan rentak kecemerlangan tersebut. Dalam konteks ini, saya akan menyahut amanat dan hasrat YB Menteri KPT yang mahu saya memberikan tumpuan khusus agar UPM menerajui bidang pertanian berteknologi tinggi sebagai bidang tujuan utama bagi membantu memperkukuhkan sektor pertanian negara dan keselamatan makanan demi

kesejahteraan rakyat.

Pertanian berteknologi tinggi adalah sebahagian daripada Revolusi Industri 4.0 yang melibatkan penggunaan teknologi terkini seperti automasi dan sensor dalam pertanian yang akan membantu peningkatan hasil dan pengeluaran dengan penglibatan manusia yang minimum.

3. Apakah sasaran Prof. sebagai Naib Canselor?

Dalam cabaran universiti berhadapan dengan situasi VUCA (volatility, uncertainty, complexity, and ambiguity), saya melihat tiga tahun adalah satu tempoh yang sangat singkat, jadi saya perlu bekerja keras dari sekarang untuk memenuhi jangkaan YB Menteri dan juga seluruh warga UPM termasuk pihak berkepentingan (stakeholders) seperti masyarakat dan industri. Justeru, antara KPI utama saya akan menjurus ke arah memartabatkan bidang pertanian UPM dalam era pertanian berteknologi tinggi selain meningkatkan tahap kualiti serta kecemerlangan pelbagai bidang. Bagi mencapai KPI ini, inisiatif, objektif strategik dan pelan tindakan khusus akan dirangka dan dimasukkan dalam Pelan Strategik UPM 2021-2025 dan Pelan Transformasi UPM melangkaui 2025 yang sedang dirangka.

4. Apakah kekuatan UPM dan bagaimana Prof melihat kekuatan ini agar dapat diperkasakan lagi?

Saya melihat UPM ada dua kekuatan yang sangat signifikan, iaitu kesohoran bidang pertanian serta keunggulan bakat warga kerja UPM merangkumi pegawai akademik dan bukan akademik, di samping para alumni yang terbilang. Justeru saya akan menggembelng segala sumber dan bakat yang ada ini untuk memberikan sumbangan yang bermakna ke arah mencapai visi yang ditetapkan. Ini termasuk meraikan kepelbagaian bidang



KPI utama saya akan menjurus ke arah memartabatkan bidang pertanian UPM dalam era pertanian berteknologi tinggi selain meningkatkan tahap kualiti serta kecemerlangan pelbagai bidang.

Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman
Naib Canselor UPM



kepakaran ahli akademik sama ada dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta jaringan industri dan komuniti. Kerjasama dan rangkaian perhubungan antara warga UPM dan alumni akan terus diperkasakan melalui pelbagai platform dan inisiatif baharu terutamanya melalui kerjasama erat dengan Persatuan Alumni UPM.

5. Prof. sangat berpengalaman dalam penyelidikan. Bagaimana peranan universiti dalam mengaplikasikan hasil penyelidikan dalam konteks pemindahan ilmu dan kepakaran?

Saya percaya kedudukan sebagai seorang akademika dan penyelidik selama hampir 20 tahun mampu menjadi pengalaman yang cukup baik untuk saya meneruskan sebuah universiti penyelidikan yang terkemuka. Dalam hal ini, inisiatif dan insentif baharu akan terus diperkenalkan bagi memantapkan lagi ekosistem penyelidikan di UPM agar para penyelidik dapat menghasilkan

penyelidikan yang bukan saja bertaraf antarabangsa tetapi mampu menjadi intelektual awam yang dapat menyelesaikan permasalahan rakyat di negara kita. Seperti kata YAB. Perdana Menteri baru-baru ini, universiti perlu keluar daripada imej menara gading dan beralih paradigma pemikiran daripada "ilmu untuk ilmu" kepada "ilmu untuk masyarakat dan negara".

6. Apakah pengalaman berharga Prof. sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dalam konteks Naib Canselor?

Banyak yang saya belajar sepanjang memegang jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) selama tiga tahun. Memandangkan pelajar adalah pihak berkepentingan utama universiti, saya telah memberikan tumpuan khusus untuk memperkasakan budaya kesukarelawanan, keusahawanan, aspek kepemimpinan dan kemahiran insaniah pelajar. Saya percaya pengalaman memegang beberapa jawatan pentadbiran sebelum ini serta menguruskan

pelajar sejak saya menjadi Pengetua Kolej Kediaman akan banyak membantu saya untuk menguruskan universiti secara keseluruhannya. Pengalaman ini akan digunakan sepenuhnya bagi mencapai misi dan visi UPM terutamanya melahirkan graduan kental masa hadapan sekali gus insan berpengetahuan tinggi yang bermanfaat kepada pembangunan negara.

Selain pelajar, alumni juga kumpulan yang penting yang boleh menyumbang kepada universiti. Saya juga akan memastikan tahap penglibatan alumni semakin diperkukuhkan khususnya dalam aspek endowmen.

7. Apakah legasi yang akan ditinggalkan kelak?

Saya berhasrat untuk meneruskan zaman kegemilangan UPM dalam bidang pertanian terutamanya dan mengharapka ia akan menjadi legasi yang bakal saya wariskan kepada generasi yang akan datang. Pada masa sama, saya juga mahu meraikan kepelbagaian kepakaran yang ada di UPM termasuk

mengiktiraf sains sosial sebagai kekuatan baharu. Selain itu, saya mahu UPM terus kekal menjadi barisan hadapan yang sentiasa menyumbang untuk kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara melalui pemindahan ilmu dan kepakaran. Soal kesejahteraan warga UPM juga akan diberikan tumpuan kerana mereka merupakan aset universiti.

8. Akhir sekali, apakah harapan dan nasihat Prof kepada pelajar-pelajar baharu UPM yang mendaftar sesi ini?

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar baharu yang dapat menyambung pengajian di UPM, sebuah universiti yang berprestij antarabangsa ini.

Saya berharap mereka dapat belajar dengan bersungguh-sungguh dan pada masa sama, terlibat dalam aktiviti ko-kurikulum yang dapat menjadikan mereka seorang mahasiswa yang seimbang dan holistik.

Jadilah manusia yang berilmu dan berbakti semula kepada masyarakat.



Effective Crisis Communication Management in Higher Learning Institutions Helps to Mitigate the Impact of COVID-19 Crises



By Professor Dr. Azmawani Abd Rahman
School of Business and Economics

The Movement Control Order (MCO) that commenced on 18th March 2020 following the extensive spread of the COVID-19 pandemic led to major crises as ministries, government agencies, private organisations, educational institutions, and business premises were forced to cease operations abruptly.

In the context of Higher Learning Institutions (HLIs), the COVID-19 pandemic has posed a formidable challenge to the Ministry of Higher Education, universities, and related agencies. Such a crisis truly tests the perseverance of a university's leadership, whereby the effectiveness of communication management between the university and

its key stakeholders (e.g. staff, students, parents, ministries, media, suppliers, contractors, the community) is critical. This is because successful crisis communication can potentially curb the transmission of the virus, facilitate university operations, reduce misperceptions, and ultimately build a university's reputation in the short- and long-term.

Communication management in a crisis situation, as opposed to general situations, comes with unique challenges. Substantial research has been conducted in this area, revealing that the main challenge in a crisis is that the necessary information is never fully available. Moreover, the information received is always changing due to swiftly evolving decisions that reflect the dynamic nature of the issue causing the crisis. Pressure from the public or important parties for immediate information thus shortens the time available to properly assess information, thereby generating unplanned and ineffective communication.

In the context of COVID-19 in Malaysia, universities are not at liberty to make decisions or verifications independently. Instead, all communication material must be in line with directions from

the Ministry of Health Malaysia (MOH), the Malaysian National Security Council (NSC), and the Ministry of Higher Education (MHE). Further, in a crisis situation, the increased rate of communication and the shorter time periods available to liaise with various parties to ensure the accuracy of information are major challenges to a university's Crisis Communication Team (CCT). The challenges stemming from the existence and extensive usage of social media as well as the custom of today's society to forward partial or unsubstantiated information add to the complex and demanding nature of crisis communication management.

To ascertain effective communication management in handling COVID-19 and minimising its negative impacts, a HLI must adopt and properly implement several important features. First, a university should have a documented Crisis Communication Plan (CCP) that is effective and comprehensive in terms of policies and procedures to coordinate communication when a crisis, disaster, or controversial issue arises. A CCP is not just aimed to respond to the media/communications link but also

to prepare procedures and standard operations pertaining the establishment of a communication centre and the roles of members in the CCT.

Second, the CCT must be able to detect early sign of crisis and formulate plans for pre-crisis, in-crisis, and post-crisis communication. Preliminary announcements may encompass notices to the university population on university-level monitoring methods as well as preventive measures taken by the university. Additionally, one of the CCT's early plans should involve determining communication methods when facing the COVID-19 pandemic, including sourcing new channels of communication.

Third, the delivery of communication must only be conducted by the designated spokesperson, who should also be the only one with the authority to release information to the media and the public. All other university associates or CCT members are not allowed to speak to the media or the public. This is to certify that any information issued by the university is accurate, authentic, and credible to the university population.

Fourth, universities must maintain a close relationship with the media



and the ministry. When a crisis emerges, it is the responsibility of the CCT to ensure that the relevant parties are provided with information that is factual, accurate, and consistent. This is intended to prevent rumours and to safeguard the amity and trust held by key stakeholders. The head of the CCT must represent the universities in the MHE 24-hour COVID-19 Operations Room to ensure that all incoming queries are not subjected to bureaucratic issues when they are raised.

Finally, the frequency of information dissemination is critical in keeping university members and stakeholders up-to-date on current developments and required actions. The head of the CCT

must be in the university's Special Inaugural Committee for the Emergency Response Team (ERT). This committee should convene daily to confirm that all relevant issues are discussed and responded to immediately, following which information should be consistently and periodically propagated to all key parties.

Well-managed Crisis Communication indirectly bestows a positive image upon an organisation. Best practices in crisis communication of HLIs can improve and streamline the coordination processes within and between organizations, and ultimately, help the country overcome the COVID-19 pandemic.

Kebiasaan baharu pengurusan kewangan pasca COVID-19



Oleh Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri
Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah & Jaringan Industri & Masyarakat)
Fakulti Ekologi Manusia

Senario kedudukan kewangan rakyat Malaysia sebenarnya telah berbanda pada tahun yang membimbangkan sebelum penularan wabak COVID-19 lagi. Ini dapat diterjemah menerusi Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Sudut Permintaan 2018 oleh Bank Negara Malaysia.

Dapatan menunjukkan empat aspek yang perlu diberi perhatian serius tentang rakyat Malaysia ialah tahap pengetahuan kewangan, simpanan dan belanjawan, kesediaan menghadapi peristiwa yang tidak dijangka dalam kehidupan dan perancangan untuk persaraan. Selain itu, satu daripada lima orang dewasa Malaysia yang bekerja tidak membuat simpanan dalam tempoh enam bulan sebelumnya dan 84% rakyat menyatakan bahawa mereka mempunyai

simpanan untuk jangka masa terdekat di mana simpanan tersebut dikeluarkan pada akhir bulan untuk menampung perbelanjaan seharian.

Dalam konteks kesiapsiagaan menghadapi situasi di luar jangkaan, lebih daripada separuh (52%) rakyat Malaysia menyatakan sukar buat mereka untuk menyediakan sejumlah wang sebanyak RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan. Hanya 24% rakyat Malaysia dapat menampung perbelanjaan sara hidup untuk sekurang-kurangnya tiga (3) bulan atau lebih sekiranya kehilangan sumber pendapatan utama mereka.

Senario di atas semakin bertambah kronik dengan berlakunya tragedi COVID-19. Ianya memberi kesan domino ke atas pelbagai aspek kehidupan rakyat baik dari segi kesihatan, ekonomi, pendidikan, sosial, emosi, rekreasi dan psikologi. Ramai yang terkesan akibat daripada wabak ini yang menyebabkan mereka kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan sehingga menyukarkan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa kadar pengangguran di Malaysia meningkat kepada 5.3% pada Mei tahun ini yang mencatatkan sebanyak 826,100 penganggur. Berikutan pandemik ini juga, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menyatakan bahawa peratusan rakyat yang

kehilangan pekerjaan di negara ini meningkat sebanyak 42% untuk suku pertama tahun ini (Q1 2020).

Statistik di atas jelas menunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai risiko yang amat tinggi untuk berhadapan dengan masalah kewangan peribadi yang serius sehingga boleh menyebabkan mereka diisytiharkan muflis sekiranya tidak mempunyai pengurusan kewangan peribadi yang baik dan utuh. Rakyat perlu bersedia untuk berubah dalam soal pengurusan kewangan dan tidak perlu berada dalam zon selesa seperti sebelum berlakunya pandemik ini. Kita sudah biasa mendengar ungkapan "membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul".

Terdapat beberapa aktiviti pengurusan kewangan yang perlu dijadikan kebiasaan baharu dalam kehidupan pasca COVID-19. Sekiranya dahulu ianya sesuatu yang tidak menjadi kebiasaan dan sukar diamalkan, kini semua aktiviti tersebut perlu dijadikan sebagai satu kebiasaan baharu dan budaya kehidupan. Antara aktiviti pengurusan kewangan tersebut ialah melibatkan pasangan dan ahli keluarga dalam soal merencanak kewangan. Kajian penulis mendapati ramai dalam kalangan rakyat Malaysia tidak berbincang mengenai kewangan keluarga dengan pasangan dan ahli keluarga lain. Jadikan musyawarah soal kewangan sebagai satu kelaziman aktiviti keluarga.

Kalau dahulu, pakar



kewangan mencadangkan setiap daripada kita perlu menyemak kedudukan kewangan diri dan keluarga enam bulan sekali, kini kita perlu berubah dan semak kedudukan kewangan setiap 2-3 bulan sekali. Ini dapat dilakukan menerusi pemantauan ke atas aliran tunai diri dan keluarga. Analisis aliran tunai membantu kita memikirkan bagaimana pendapatan diri dan keluarga dapat ditingkatkan dan dalam masa yang sama membantu mengubah cara gaya berbelanja. Walaupun pakar mencadangkan sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan diterima perlu diagihkan untuk simpanan, perkara paling penting dan seharusnya dijadikan kebiasaan baharu ialah konsisten setiap bulan untuk membuat simpanan dengan amaun yang dirasakan sesuai dan selesa.

Sekiranya dahulu kita

jarang sekali menyemak kedudukan hutang dan pinjaman, kini kita perlu bersedia untuk berubah dengan membuat pekara paling asas iaitu menyediakan senarai hutang atau pinjaman. Seterusnya dapatkan maklumat terkini daripada institusi kewangan berkaitan jumlah baki pinjaman, tempoh pinjaman dan kadar faedah semasa. Ianya dapat membantu daripada dikenakan faedah tambahan akibat daripada tunggakan pinjaman. Anda juga disaran untuk mendapatkan laporan CCRIS daripada mana-mana cawangan Bank Negara Malaysia.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 mencetuskan kebiasaan baharu di mana semakin ramai dalam kalangan rakyat Malaysia dilihat menyediakan senarai

semak (check list) setiap kali mereka keluar membeli barang keperluan sama ada menerusi kaedah tradisional atau menggunakan aplikasi "shopping atau groceries list". Ini satu kebiasaan baharu yang perlu diteruskan dan dijadikan budaya dalam kehidupan.

Sebagai kesimpulan, kebiasaan baharu pengurusan kewangan bukan hanya terhad kepada aktiviti yang dibincangkan di atas. Tiada istilah sudah terlambat dan kita sendiri perlu bersedia untuk berubah ke arah lebih baik berbanding sebelum ini. Bak kata pepatah "Alah Bisa Tegal Biasa". Amalkan kesederhaan dalam semua aspek kehidupan termasuk dalam soal perbelanjaan dan didik diri dengan sifat *qanaah* iaitu sentiasa merasa cukup dengan pemberian Allah dan tidak merasakan iri hati dengan apa yang dimiliki oleh orang lain.

Meningkatkan Daya Tahan Sekuriti Makanan Pasca COVID-19

Data daripada SWCorp Malaysia menunjukkan bahawa rakyat Malaysia secara amnya mengeluarkan 38,000 tan sisa setiap hari, dan daripada timbunan itu, kira-kira 15,000 tan adalah sisa makanan.



Oleh Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin
Dekan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar

Sebelum wabak COVID-19 melanda, ketidakcukupan makanan sudah menjadi satu isu di peringkat global. Lebih daripada 820 juta orang, bermakna satu daripada setiap sembilan penduduk dunia, tidak kecukupan makanan. Dengan wabak ini adalah dijangkakan lebih ramai lagi penduduk dunia tidak kecukupan makanan kerana hilang pekerjaan dan punca pendapatan. Di Malaysia kadar pengangguran telah meningkat kepada 5.3%, bersamaan dengan 826.1 ribu penduduk, pada bulan Mei 2020 daripada 3.2% pada bulan Januari 2020 sejak mulanya wabak covid-19. Kumpulan ini yang paling rentan terutama golongan miskin bandar, penduduk di kawasan terpencil, petani kecil dan pekerja tidak formal.

Setakat ini, kesan wabak virus COVID-19 terhadap sekuriti makanan belum diketahui sepenuhnya. Gangguan dalam rantaian bekalan makanan adalah minimum kerana pengeluaran adalah mencukupi dan stabil. Tetapi apa yang jelas adalah ia akan memberi kesan negatif pada rantai bekalan makanan, dari pengeluar hingga ke pemproses, pemasar, pengangkut dan pengguna, jika rantai bekalan makanan tidak ditangani dengan baik.

Justru adalah mustahak untuk meningkatkan daya tahan sekuriti makanan kita. Ini dapat dilakukan dengan memperkukuhkan pengurusan pasaran dan mencegah gangguan rantaian bekalan makanan. Kegiatan berkaitan dengan pengeluaran, penyimpanan, pengedaran, pemprosesan, pembungkusan, peruncitan, dan pemasaran makanan tidak boleh dihentikan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perniagaan harus terus berinovasi. Dan kita juga memerlukan langkah-langkah untuk melindungi pekerja dalam rantaian bekalan dan mencegah penyebaran COVID-19.

Dalam usaha untuk mengurangkan insiden kekurangan bekalan makanan pasca covid-19, beberapa polisi

boleh dipertimbangkan dalam membangunkan rangka kerja strategi sekuriti makanan yang komprehensif dari segi ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan, dan kestabilan makanan seperti berikut:

Ketersediaan makanan – ketersediaan makanan adalah gabungan pengeluaran makanan dalam negeri, import makanan dan eksport, dan stok makanan domestik.

Untuk merangsang pelaburan, insentif kepada sektor swasta mesti dirumuskan dengan cara pulangan pelaburan dalam pengeluaran makanan setanding dengan tanaman industri, seperti pelaburan kelapa sawit;

Membangunkan usahawantani melalui Program Inkubasi Usahawan seperti di UPM. Para peserta dipilih terutamanya dari pemegang ijazah dalam bidang pertanian yang mempunyai kecenderungan terhadap keusahawanan. Mereka diinkubasi selama enam bulan di mana pada akhir tempoh inkubasi, peserta yang berjaya akan mempunyai perniagaan pengeluaran makanan masing-masing;

Melaksanakan dasar guna tanah untuk meningkatkan pengeluaran makanan melalui penyisihan kawasan tanah pertanian khusus untuk penghasilan makanan dan sumber pemakanan lain;

Melaksanakan program khas yang akan meningkatkan produktiviti dengan tujuan untuk mengurangkan kos dan meningkatkan dan menstabilkan pengeluaran dan pendapatan golongan miskin. Program sedemikian termasuk meningkatkan akses pengeluar kecil kepada input pertanian, kredit dan perkhidmatan penting lain serta pasaran. Peranan koperasi dalam meningkatkan pendapatan petani perlu ditekankan;

Proses perbandaran yang pesat telah menarik kemiskinan dan isu sekuriti makanan ke bandar, memandangkan bahawa penghuni bandar adalah

pembeli makanan bersih dan bergantung pada pendapatan untuk mengakses bekalan makanan. Mempromosikan pertanian bandar akan dapat mengurangkan perbelanjaan makanan isi rumah bandar.

Pada asasnya fungsi bidang pertanian adalah sebagai pembekal makanan, pekerjaan dan pendapatan. Walau bagaimanapun, fungsi tersebut telah berubah dalam konteks perubahan iklim, kemusnahan alam sekitar, kekurangan sumber, dan keprihatinan sejagat terhadap sekuriti makanan. Tema baharu pertanian melampaui fungsi dasarnya, tetapi untuk meningkatkan pemuliharaan sumber, persekitaran, dan mengurangkan kadar kemiskinan. Justru sektor pertanian perlu dinilai bukan sahaja dari segi pembekal makanan, tetapi pelbagai fungsinya terutama perkhidmatan alam sekitar;

Memperkasakan penyelidikan dalam pengeluaran dan pengendalian makanan, kepelbagaian tanaman dan genetik, serta pemprosesan dan pemasaran. Penyelidikan juga perlu dilakukan terhadap pengendalian makanan isi rumah bagi memastikan ketersediaan makanan yang mencukupi dan untuk melindungi nilai pemakanan dan mencegah pembaziran makanan;

Petani perlu sentiasa mempunyai akses berterusan ke pasaran. Usaha perlu dipergiatkan melalui gabungan pasaran swasta dan perolehan kerajaan;

Memastikan bekalan input pertanian seperti benih, baja dan makanan ternakan tidak terputus bagi memastikan pengeluaran makanan secara berterusan;

Mengurangkan kerugian lepas tuai yang kemungkinan besar meningkat kerana keterbatasan dalam pengangkutan dan akses ke pasaran melalui peningkatan kapasiti penyimpanan dan

pemprosesan skala kecil;

Memastikan peserta di sepanjang rantaian bekalan makanan tidak berisiko penularan COVID-19 dengan meningkatkan kesedaran mengenai peraturan keselamatan dan kesihatan makanan; dan

Kebolehcapaian makanan – merujuk kepada sumber pendapatan isi rumah untuk mendapatkan makanan dalam kuantiti, kualiti dan kepelbagaian yang mencukupi untuk diet berkhasiat.

Menstabilkan bekalan makanan melalui stok makanan yang mencukupi dalam bentuk rizab strategik sekuriti makanan sebagai benteng pertama dalam kecemasan;

Bagi pengguna yang terputus mata pencarian mereka disebabkan PKP, kerajaan perlu memastikan kesinambungan bantuan mata pencarian mereka terutamanya di kalangan miskin bandar B40 yang tiada perkerjaan tetap.

Sekitar 8,000 tan, atau 60%, makanan yang terbuang setiap hari adalah sisa makanan yang boleh dielakkan (merujuk kepada pelupusan makanan yang boleh dimakan seperti kerak roti, tepung jus dan sebagainya). Daripada 8,000 tan, kira-kira 3,000 tan sebenarnya masih boleh dimakan. Jumlah ini boleh memberi makan kira-kira dua juta orang. Justru promosi untuk menggalakkan penggunaan makanan secara lestari akan mengurangkan pembaziran makanan; dan

Meningkatkan dan memperbanyakkan lagi program jaringan keselamatan sekuriti makanan terutamanya melalui Bank Makanan;

Penggunaan makanan – memerlukan persekitaran fizikal yang sihat dan kemudahan kebersihan yang mencukupi serta pemahaman dan kesedaran



“Sektor pengeluaran makanan perlu dibangunkan menjadi sektor yang moden, berdaya saing dan komersial. Ini boleh dicapai dengan meniru model pengeluaran tanaman industri.”

tentang penjagaan kesihatan, penyediaan makanan, dan proses penyimpanan makanan yang selamat untuk dimakan.

Keselamatan makanan dapat ditingkatkan menerusi pendidikan bagi meningkatkan pengetahuan dalam pemilihan diet yang selamat dan mencukupi serta teknik penghasilan, pemprosesan, penyimpanan dan pengendalian makanan di semua peringkat di sepanjang rantaian bekalan makanan, khususnya tahap isi rumah.


Kestabilan bekalan makanan – merujuk kepada kesetabilan bekalan makanan di peringkat isi rumah. Ini termasuk makanan, pendapatan dan sumber ekonomi. Tambahan pula, adalah penting untuk meminimumkan risiko luaran seperti bencana alam dan perubahan iklim, dan ketidakstabilan harga melalui aktiviti dan pelaksanaan meningkatkan daya tahan isi

rumah.

Berbanding dengan sektor perindustrian, sektor pertanian terdedah kepada banyak lagi risiko dan ketidakpastian yang susah diramalkan. Oleh itu pengurusan risiko pasaran perlu dibangunkan, seperti pemantauan dan ramalan harga, untuk mengurangkan risiko dalam pengeluaran makanan. Perancangan kesediaan kecemasan melalui amaran awal yang berkesan serta memperkenalkan langkah-langkah untuk mencegah bencana alam, seperti skim pengairan dan skim kawalan banjir juga perlu diwujudkan.

Sebagai kesimpulan, untuk bergerak ke hadapan, untuk mengurangkan impak ketidakpastian jaminan bekalan makanan kepada negara dan isi rumah akibat daripada wabak COVID-19, dasar makanan harus memberi tumpuan kepada pelaburan yang lebih besar dalam ketersediaan makanan, kebolehcapaian, penggunaan dan kestabilan bekalan makanan sektor.





UPM researchers invent innovative, easy method to screen tuberculosis

By Azman Zakaria
Photo Noor Azreen Awang

SERDANG, August 28 - Universiti Putra Malaysia (UPM) researchers have successfully created two innovations—TB Strip and TB Reader—to screen and detect tuberculosis (TB).

Leader of the research group, Prof. Dr. Nor Azah Yusof, said sputum (phlegm) was used in both innovations to filter and detect TB bacteria in a person's body.

She said, the TB Strip method screening was done through an antigen test method by placing an individual's sputum on the sample pad.

The sputum will then move towards the conjugate pad, which then produced two lines—the bottom line known as a test line and the top line known as the control line.

If the movement of the sputum is on the control line only,

the individual is TB negative. However, if it reaches both the test line and control line, then the individual is TB positive.

"The result of whether a person is negative or positive for TB can be determined between 10 and 15 minutes using this method, and the cost for each test is about RM5," she said.

Prof. Dr. Nor Azah who is also a lecturer at the Faculty of Science said TB Strip is meant only for screening purposes, and one could conduct a further examination at the hospital.

She added that the study to develop the TB Strip started five years ago in collaboration with Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Krian, Kelantan and the Institute of Respiratory Medicine, Ministry of Health.

The innovation won a gold medal at the International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2019.

Another Innovation, the TB Reader is to detect TB bacteria using an electrochemical method.

Prof. Dr. Nor Azah said the innovation would detect if there is a change of flow pattern from the sample tested.

She said, the TB Reader method is more sensitive, and whether a person is TB positive or negative, is determined by the change of flow pattern.

TB Reader can be connected to a laptop or mobile phone using the Bluetooth technology. The result of the bacterial detection test, i.e. either Yes or No, will be displayed on the mobile phone screen without having to look at changes in the current.

She said the innovation uses nanotechnology by placing nanomaterials on electrodes. This makes it more sensitive in detecting bacteria.

She said the results of the detection test could be known in about an hour and a half. The

cost of the detection test is about RM20.

TB Reader was first developed five years ago in collaboration with USM Kubang Kerian and Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), as well as Sabah Tuberculosis Prevention the Association (SABATA).

Together with Prof. Dr. Nor Azah in the research group are Assoc. Prof. Dr. Siti Suraiya Md Noor, a co-researcher from USM Kubang Kerian, Associate Prof. Dr. Ammar Zakaria from UniMAP, and Umi Zulaikha Mohd Azmi and Muhammad Hafiznur Yunus who are PhD students from UPM.

The innovation won third place in the Business Health Competition 2019.

Both the TB Strip and TB Reader have been patented. The studying on born TB Strip and TB Reader are currently at an advanced clinical stage. - UPM



Discover statistics through games

By Azman Zakaria
Photo Noor Azreen Awang

SERDANG, Aug 5 - Researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) have developed an innovation to learn statistics through a 'Stats-Trek' game, an effective teaching and learning technique for children as well as university students.

The Stats-Trek, an analogous to the 'Snakes and Ladders' game and uses dice as well is modified meaningfully to focus on statistics. This innovative game helps the players to improve and strengthens their basic statistical knowledge.

Through the game, it also brings fun and satisfaction in the teaching and learning sessions.

It was designed by Assoc. Prof. Dr. Mohd Bakri Adam from the Department of Mathematics, Faculty of Science, UPM along with his student, Muhammad Ajwad Fadi.

Assoc. Prof. Dr. Mohd Bakri said the 'Stats-Trek' served as an exploration game of statistical knowledge to provide a better basic understanding of statistics

to first year students at all universities.

He added that the game is suitable for any subject of introduction to statistics, and it is not limited to UPM's MTH3003 or MTH3401 subjects.

The game consists of 100 steps that each player must go through and obstacles before gaining victory.

The obstacles contain questions that are found at 20 sites. At each site, there will be five problem statements written on a card based on the subject on Probability Statistics 1. If the player is unsuccessful to answer the given question, the player will not be able to move forward.

"This innovation is one eureka of educational games that can be used as teaching material by teachers.

"It is very unique and is beneficial to students as it strengthens statistical knowledge that is still not found in the market," he said.

The innovation was produced in 2018 and has been copyrighted. - UPM



Bulletproof armour vest made from coconut tree parts

By Azman Zakaria
Photo Noor Azreen Awang

SERDANG - Researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) have produced bulletproof multi-layered armour (MA) vest, using the skin layer of coconut sheath or cocos nucifera sheath (CNS), as a replacement for Kevlar fabric on the bulletproof armour vest, without compromising its ballistic performance.

The outstanding innovation, named Techno-Economic Hard Body Armour, is placed in the jacket as a bulletproof vest. It meets the requirements of the National Institute of Justice (NIJ) level III standard.

A ballistic test was performed using a 7.62mm calibre bullet as a high kinetic energy projectile from 15m

distance and fired at the velocity of 838±15m/s. The test was conducted at the Science & Technology Research Institute for Defence (STRIDE), Selangor.

Research group leader, Dr. Mohammad Jawaidd, said the result showed that the depth of blunt trauma measurement of the CNS-based multi-layered bulletproof vest was at 26.51mm, which was relatively lower than the maximum allowable blunt trauma limit of 44mm according to the NIJ standard.

Dr Mohammad Jawaidd, Senior Research Fellow (Professor) at the Laboratory of Biocomposite Technology, Institute of Tropical Forestry and Forest Products (INTROP), UPM, said the vest could also save about 44% of the fabrication costs compared to Kevlar-based MA.

He said that the composition of MA was generally made up of ceramics (SiC), composites (Kevlar / epoxy) and metals (Al).

A major impediment of using aramid fabrics-based composites or Kevlar as a second layer in the MA was its cost and environment pollution, he said.

"Due to its non-biodegradable nature, it may pollute the environment and affect the eco-system, and because aramid fabrics are generally more expensive, the overall cost of manufacturing MA is high," he said.

He added that a monolithic bullet proof vest made from aramid or steel fabrics required a large level of thickness, which could affect the movement and comfort of the wearer.

As such, he said, his

research was aimed at replace the aramid fabric/Kevlar with an eco-friendly and easily available natural material (cocos nucifera sheath/epoxy composite) without compromising its ballistic performance.

He said Techno-Economic Hard Body Armour was made using eight pieces of MA four pieces were placed in the front and another four were placed at the back of the jacket to make it a bullet proof vest.

The weight of Techno-Economic Hard Body Armor is about 5 kg.

Other members in the research group are PhD student Jesu arockiam Naveen, Assoc. Prof. Dr. Edi Syams Zainudin and Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan (all from UPM), and Dr. Ridwan Yahaya from STRIDE. - UPM

Projek industri berimpak tinggi dan cabaran COVID-19



Oleh Prof. Ts. Dr. Cheah Yoke Kqueen
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Projek industri berimpak tinggi merupakan satu daripada pelan strategi jaringan industri dan komuniti Universiti Putra Malaysia (UPM) yang digunapakai dalam memartabatkan misi dan visi UPM di arena kebangsaan dan antarabangsa.

Universiti Awam pelopor dalam menyeragam dan melaksanakan secara sistematik pengurusan jaringan industri dan masyarakat.

Pengarah Pusat Hubungan dan Jaringan Industri UPM (CIRNeT) UPM, Prof. Dr. Shamsul Bahri Md. Tamrin berkata melalui pemantauan Sistem Pintar Jaringan Industri & Komuniti (I-CRIS), UPM dapat mengumpul dan menilai projek yang dianggap sebagai projek industri berimpak tinggi.

“Secara amnya, projek industri berimpak tinggi banyak membantu UPM dalam menjayakan kerjasama yang mendatangkan impak dan faedah yang berterusan kepada warga UPM, industri serta kepada masyarakat melalui

model kerjasama Pentahelix,” katanya.

Tren Projek Berimpak Tinggi

Projek berimpak tinggi (5 Bintang) merupakan satu dari 6 KPI di bawah lonjakan ke-3 Jaringan Industri & Masyarakat di mana projek 5 bintang dinilai dengan nilai projek sebanyak RM150,000 sama ada sumbangan industri secara tunai, nilai setara atau gabungan sumbangan tunai dan nilai setara.

Beliau berkata untuk menjadikan ia sebagai projek berimpak 5 bintang, projek industri perlu menepati kelestarian (melangkau tahun dalam melaksanakan projek). Berdasarkan statistik tahun 2016 sehingga 2019, terdapat peningkatan secara berterusan daripada segi bilangan projek berimpak dan jumlah sumbangan yang diterima dari industri.

“Secara puratanya, UPM mencatatkan sebanyak 68 projek berimpak tinggi setahun. Daripada segi tren, peningkatan ini bermula dari 50 projek pada tahun 2016, meningkat secara mendadak kepada 82 projek pada tahun 2018, peningkatan melebihi 64 peratus setahun.

“Jika dinilai dari segi pendanaan, sekurang-kurangnya, RM40 juta telah disumbangkan oleh industri kepada projek industri kepada UPM,” jelasnya.

Kesan Pandemik COVID-19

Menurut Prof. Shamsul, tahun 2020 merupakan tahun

yang berbeza dengan tahun-tahun sebelumnya akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia dengan lebih 16 juta manusia telah dijangkiti oleh virus ini dengan jumlah kematian melebihi 600,000 orang.

“Secara amnya, pelbagai aspek kehidupan norma harian telah berubah termasuk kesan kepada ekonomi, pendidikan, penyelidikan dan politik. Ini menyebabkan kerugian besar yang melibatkan industri sama ada industri kecil dan sederhana mahupun industri berskala besar.

“Secara langsung ia memberikan kesan kepada jaringan dan penglibatan industri dalam projek berimpak tinggi industri kepada UPM, kerana industri lebih menumpukan kepada usaha memulihkan ketidakseimbangan perniagaan mereka terlebih dahulu,” katanya.

Beliau berkata jika dilihat pada pencapaian sukuan 1 dan sukuan 2 projek berimpak tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya, penurunan yang sangat ketara dapat dilihat daripada segi penglibatan dan sumbangan oleh industri.

“Pada sukuan 2 tahun 2020 hanya terdapat satu sahaja projek berimpak tinggi berbanding 14 projek pada 2018 dan 2019 dalam sukuan yang sama. Ini menunjukkan penurunan ketara yang perlu dihadapi oleh universiti dalam era pasca COVID-19,” katanya.

Strategi baharu pencapaian Projek berimpak pasca COVID-19



Prof. Shamsul berkata bagi memastikan terdapat kesinambungan pada projek berimpak tinggi pada tahun 2020 - 2021, Universiti perlu merangka strategi yang dapat digunakan termasuk menjalankan interaksi dan hubungan berterusan dengan menawarkan perkhidmatan konsultasi secara in-kind kepada industri yang terkesan dan berkongsi kepakaran secara dua hala.

“Kaedah ini, jika dijalankan dengan baik, boleh diiktiraf sebagai projek berimpak tinggi.

“Penyediaan pakej jaringan dan sumbangan industri dalam pelbagai aspek adalah seperti projek bersama Pusat Alumni, Persatuan alumni mahupun Wazan. Dengan kata lain, pendanaan melibatkan kerjasama bukan dari satu Pusat Tanggung Jawab (PTJ) sahaja, tetapi kerjasama dengan

PTJ lain dalam mendapatkan pendanaan kepada universiti,” katanya.

Prof. Shamsul menggesa projek berimpak tinggi industri perlu memberikan fokus kepada kerjasama yang berbentuk nilai setara berbanding dengan sumbangan secara tunai daripada industri kerana kaedah itu akan memberikan fleksibiliti kerjasama di antara UPM dan industri.

“Bagi projek yang memfokuskan kepada pendanaan tunai, warga UPM perlu juga memberikan fokus kepada pendanaan dari pihak kerajaan dengan objektif projek yang dapat membantu masyarakat serta industri untuk memulihkan ekonomi pasca COVID-19 selaras dengan halatuju kerajaan (contoh seperti projek berkaitan – (Pakej Penjana) dalam membantu rakyat Malaysia yang terkesan. “Akibat daripada

COVID-19, strategi baharu perlu dilaksanakan dengan mengambil kira senario terkini ekonomi dan fokus kerajaan. Warga UPM perlu melihat kepada pelbagai kaedah lain yang inovatif dalam menjalankan projek berimpak tinggi bersama industri,” katanya.

Dalam memastikan terdapat kesinambungan yang lebih berimpak bagi matlamat ketiga jaringan industri dan masyarakat untuk tahun 2021 – 2025, beliau berkata CIRNeT telah mengambil kira isu pandemik COVID-19 dalam Pelan Strategi Industri serta ekologi rangka kerja industri di UPM.

Beliau yakin melalui pelan dan strategi ini, dijangkakan projek berimpak tinggi dapat ditingkatkan semula dengan lebih tersusun dan menjangkau pencapaian pelan strategi sebelum ini.

Prof. Dr. Daud Ahmad Israf Ali dilantik Pengarah CoSComm, Muhazam Mansor dilantik Pemangku Pendaftar

Oleh Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain

Profesor Dr Daud Ahmad Israf Ali memulakan kerjaya akademiknya di UPM pada tahun 1995 setelah kembalinya daripada pengajian PhD di United Kingdom. Sebagai alumni UPM, beliau bergraduasi sebagai Doktor Perubatan Veterinar pada tahun 1989 dan Sarjana Sains pada tahun 1992.

Beliau kemudian dilantik sebagai tutor di Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar dan selepas itu beliau berangkat ke Scotland untuk melanjutkan pengajian PhD di Glasgow. Semasa berkhidmat di UPM, Prof Daud telah terlibat dalam pengajaran peringkat sarjana muda dalam bidang imunologi, biologi sel dan kultur tisu mamalia.

Oleh kerana penemuan ubat dari produk semula jadi adalah tema popular dalam penyelidikan bioperubatan

Malaysia, dan memandangkan potensi besar produk semula jadi sebagai sumber ubatan dan nutrasetikal baharu, Prof Daud memutuskan untuk mendalami bidang penyelidikan ini dan telah menjalankannya selama hampir 25 tahun.

Pada tahun 2000, Prof Daud menjadi ahli pengasas Institut Biosains (IBS) dan memfokuskan kajian beliau kepada penemuan ubatan baharu dan pengenalpastian mekanisme tindakan sebatian berpotensi ubat. Beliau dinaikkan pangkat ke Profesor Madya pada tahun yang sama dan dilantik sebagai Pengarah Makmal Interim, Institut Farmasetikal dan Nutrasetikal Kebangsaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Pada tahun 2001, semasa masih menjadi pengarah Makmal Interim, beliau menyertai Jabatan Sains Bioperubatan di Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan

(FPSK), UPM dan meneruskan pengajaran kursus-kursus imunologi, biologi sel dan kultura tisu diperingkat sarjana muda sementara masih terlibat secara aktif dalam penyelidikan di IBS. Pada tahun 2006 Prof Daud meninggalkan IBS untuk mengembangkan Makmal Pengisyarat Sel (Cell Signaling Laboratory) di unit Biologi Sel, FPSK yang mana beliau kekal sebagai ketua di unit tersebut selama beberapa tahun.


Pada awal tahun 2008 Prof Daud dinaikkan pangkat ke Profesor Sains Bioperubatan (Professor of Biomedical Science) dan menghabiskan sebahagian besar waktunya dalam pengajaran dan penyelidikan di FPSK. Pada tahun 2017 beliau telah dilantik sebagai Pengetua Kolej Kediaman ke-17 untuk mentadbir dan memimpin semua program pembangunan pelajar di kolej tersebut. Prof Daud

kini adalah Pengarah Pejabat Strategi dan Komunikasi Korporat (CoSComm), UPM dan beliau masih mengajar dan menjalankan penyelidikan di FPSK.

Sementara itu, Muhazam Mansor telah dilantik sebagai Pemangku Pendaftar mulai 15 September 2020. Beliau memulakan kerjaya di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1999 di Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP).

Pengalaman selama 11 tahun membolehkan beliau dilantik menjadi Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Beliau pernah berkhidmat di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan sebelum diberi tanggungjawab sebagai Ketua Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.

UPM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada mereka berdua dan semua yang dilantik ke jawatan pentadbiran. - UPM



Prof. Dr. Daud Ahmad Israf Ali



Muhazam Mansor terima surat pelantikan daripada Naib Canselor UPM

Dialog Awam Pelan Strategik UPM 2021-2025 undang pelbagai sudut pandangan

Oleh Azman Zakaria
Foto oleh Marina Ismail

SERDANG, 24 Ogos - Ke arah terus memantapkan visi menjadi universiti bereputasi antarabangsa, termasuk untuk berada dalam kelompok ranking 100 universiti terbaik dunia menjelang 2025, Universiti Putra Malaysia (UPM) kini dalam kerangka membentuk Pelan Strategik UPM 2021-2025, menggantikan Pelan Strategik UPM 2014-2020 yang bakal berakhir.

Sesi Dialog Awam Pelan Strategik UPM 2021-2025 diadakan pada 24 dan 25 Ogos lalu, bagi mendapatkan input dan maklumbalas daripada pelbagai pihak – dekan dan ahli akademik, persatuan staf, persatuan pelajar, wakil kerajaan, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat – dalam merumuskan pelan untuk UPM sentiasa kekal relevan sebagai peneroka ilmu dan memberi sumbangan kepada masyarakat.

Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pelan Strategik UPM 2021-2025, Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman semasa membentangkan pelan itu ketika sesi dialog berkenaan berkata misi UPM adalah memberi sumbangan bermakna kepada pembentukan kemakmuran dan pembangunan negara serta kesejahteraan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

Beliau juga berkata,

pelan akan didokong oleh tiga nilai teras, insan, kelestarian, dan kepelbagaian yang turut merangkumi kepelbagaian sumber, bidang ilmu, budaya, kepakaran dan bakat.

Lima matlamat utama Pelan Strategik 2021-2025 ialah menghasilkan graduan kental masa depan; mewujudkan hab ilmu melalui penjana nilai berteraskan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang mantap serta lestari; meligatkan pemasarakatan ilmu melalui jaringan industri dan masyarakat; memperkasa pertanian dan ketahanan sekuriti makanan; dan memperteguhkan tadbir urus institusi, kemampuan kewangan dan amalan kelestarian hijau.

Sesi dialog dua hari itu berlangsung dengan penglibatan aktif peserta yang melontarkan pelbagai pandangan dan idea.

Pengerusi Jemaah Dekan UPM, Prof. Dr. Nazamid Saari antara lain membangkitkan persoalan berkaitan penggunaan fasiliti di universiti dan bagaimana untuk menggabungkan (consolidate) kepakaran yang sama tetapi kini berada pada tempat berasingan (scattered).

Katanya, pelan penggantian (succession plan) membabitkan bidang kepakaran juga perlu dilaksanakan secara sistematis dan mantap agar tiada wujud kelompondan atau lewat dalam pengisian bagi setiap bidang kepakaran.

Prof. Dr. Azmawani



berkata, ada fasiliti yang sudah agak ketinggalan (outdated) dan perlu ditambah baik, yang merupakan keperluan mendesak (pressing need).

Mengenai penggabungan kepakaran itu, beliau berkata, 'convergence' kepakaran mungkin boleh dilaksanakan dengan melakukan kaedah peta penumpuan (mapping) bagi melihat kesesuaian padanan (matching) bidang kepakaran terbabit.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Prof. Dr. Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad pula mengetengahkan

berkaitan program akademik berstruktur kurikulum boleh lentur dan ia perlu mengambilkira penglibatan industri global.

Menurutnya, pelaksanaan program seumpama itu perlu dikaji dari semasa ke semasa dan mengambilkira minat pelajar agar pelajar akhirnya menjadi graduan fleksibel dan memenuhi kehendak industri global.

Dengan memasukkan elemen 'minat pelajar' dalam program itu, katanya, ia akan memberi ruang kepada pelajar dalam memilih kurikulum terbabit kerana pelajar tahu

'kekuatan' masing-masing.

Presiden Persatuan Pegawai Akademik UPM (PPAUPM), Prof. Madya Dr. Wan Zuha Wan Hasan pula berkata, UPM mesti sentiasa berada dalam keadaan tahap siapsiaga (readiness level) pada sepanjang masa termasuk dalam penghasilan inovasi, apabila diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Justeru, UPM perlu mewujudkan jalinan kerjasama yang mantap (intense engagement) dengan industri dalam memasarkan inovasi atau hasil kajian, katanya, dengan mengambil contoh

keperluan terhadap pelitup muka dan cecair pembasmian kuman (sanitizer) ketika negara dan dunia berdepan dengan pandemik COVID-19.

"Kita banyak melakukan inovasi, dan kita mesti pastikan ia sampai kepada komuniti," katanya.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am UPM (KEPERTAMA), Mohd Razali Singh pula mahu UPM memperkasa dan mengembalikan fokus terhadap pertanian, dengan menambah bilangan pengambilan pelajar bidang berkenaan. - UPM

Wacana Intelktual hayati Kempen Rukun Negara dan Semarak Merdeka 2020

Oleh Noor Eszereen Juferi
Foto oleh Marina Ismail

SERDANG, 14 Sept - Program Wacana Intelktual dengan tajuk '5 Dekad 5 Prinsip Rukun Negara: Realiti dan Cabaran' merupakan sebahagian daripada aktiviti Kempen Hayati Rukun Negara dan Semarak Merdeka 2020.

Antara inti perbincangan adalah kepentingan Rukun Negara untuk dihayati dengan baik oleh semua pihak terutama

pegawai kerajaan kerana ia adalah payung kepada dasar, aktiviti dan kegiatan perpaduan yang dilaksanakan kerajaan untuk kebaikan rakyat dan negara.

Barisan panel yang dijemput ialah Penasihat Perpaduan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pengarah Pengasas Institut Kajian Etnik (KITA), UKM; Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin; Dekan Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan

Sains, Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu, Prof. Dr. Jayum Anak Jawan; Penasihat, Sekretariat Rukun Negara, UPM YBhg. Prof. Dr. Sarjit Singh Darshan Singh dan Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pascasiswazah) Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Prof. Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw.

Sesi wacana ini dipengerusikan oleh Dr. Mohd Roslan Rosnon. - UPM



Prof. Dr. Arifin Abdu dilantik Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM

SERDANG, 2 Okt - Prof. Dr. Arifin Abdu dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Putra Malaysia (UPM) selama tiga tahun mulai 1 Oktober 2020 hingga 30 September, 2023.

Pelantikan beliau dibuat dalam surat yang ditandatangani oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 30 September, 2020.

Datuk Seri Dr. Noraini dalam surat pelantikannya berharap Prof. Dr. Arifin dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada universiti.

Prof. Dr. Arifin menggantikan Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman yang dilantik sebagai Naib Canselor UPM pada 1 September 2020.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Mohd Roslan menyifatkan perlantikan Prof. Dr. Arifin akan dapat mendukung matlamat universiti untuk melahirkan graduan yang berkualiti bagi kebolehpasaran serta memperkasakan pelajar UPM dengan penguasaan kemahiran insaniah, kesukarelawan dan *business skills* bagi meningkatkan kompetensi graduan.

"Saya dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) akan menyokong penuh aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi seperti kebolehpasaran graduan, keusahawanan pelajar, 'digitalization' dan pengantarabangsaan pelajar. - UPM

